

26/02/2003

Penyuburan NAM tidak boleh lagi diperkecil

SIDANG Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) XIII berakhir lewat malam tadi pada ketika majoriti media Barat terus mengalihkan tumpuan kepada pelbagai perkara berbeza untuk menenggelami bantahan perang yang bergema dari Kuala Lumpur. Langkah Amerika Syarikat, Britain dan Sepanyol mengemukakan satu lagi resolusi kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi mengisytiharkan Iraq sudah terlepas peluang terakhir untuk melucutkan senjata secara aman serta kehebohan daripada tindakan Korea Utara melancarkan peluru berpandu jarak dekat ke Laut Jepun, diperbesarkan bukan tanpa tujuan. NAM, dengan keanggotaan 116 negara yang bersidang di ibu kota Malaysia ini, mahu diperkecilkan sebagai tidak lebih daripada 'pentas berpidato' tanpa tindakan susulan.

Barangkali tanggapan yang mahu disogokkan kepada seluruh masyarakat dunia itu lebih tepat untuk mencerminkan sidang seumpamanya pada masa lalu. Tetapi dengan Malaysia mengambil alih sebagai pengerusi dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku penggerak utamanya, sidang kemuncak ke-13 ini harus dilihat berbeza. Pada ketika wujud usaha terancang untuk memberi gambaran bahawa NAM tidak pun wajar dibimbangi, petandanya terserlah sejak awal bahawa ia menimbulkan rasa rimas segelintir negara berpengaruh dan berkuasa.

Dari ketika sidang kali ini masih di peringkat mesyuarat pegawai kanan, sudah ada usaha termasuk daripada pentadbiran George W Bush agar NAM mengendurkan suara, apatah lagi perhimpunan kali ini menampilkan 63 ketua negara dan kerajaan - terbesar dalam sejarahnya. Berbanding sidang lampau apabila ucapan dibataskan kepada wakil perkumpulan, rantau mahupun benua, Kuala Lumpur meluahkan kesempatan kepada seramai mungkin untuk meluahkan isi hati mereka. Kecuali sedikit perselisihan pendapat, umumnya mereka bercakap dalam satu suara terhadap perlunya NAM terus disuburkan perjuangannya dalam membendung hegemoni kuasa besar, apatah lagi tindakan unilateral yang sekadar menyumbang kepada keadaan dunia yang kacau-bilau.

Apabila negara di luar keanggotaan NAM memilih untuk memandangi dingin, ia tidak harus sama sekali bermakna sidang di Kuala Lumpur sudah gagal sebagaimana mereka harapkan. Dari sudut berlawanan, ia juga menyimpulkan pengiktirafan terhadap NAM sebagai satu pertubuhan yang mewakili negara membangun yang berupaya memainkan peranan berkesan dalam suasana persekitaran dunia hari ini. Sedikit-sebanyak sumbangan Dr Mahathir dan Malaysia ke arah itu tidak juga boleh dinafikan.